



"Pengemaskinian caj berkenaan hanya membabitkan pesakit Kelas 1 dan Kelas 2, manakala bagi Kelas 3 pula tiada perubahan caj
Dr Noor Hisham Abdullah

4. metro
16/11/16
MIS 29

HARIAN METRO

Caj rawatan naik 50%

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

■ Kadar baharu babit pesakit Kelas 1, Kelas 2

Putrajaya

Kadar baharu bagi caj kemudahan rawatan pesakit Kelas 1 dan Kelas 2 di hospital kerajaan di seluruh negara dijangka berkuatkuasa mulai 1 Januari depan.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kadar caj itu dikemaskini berdasarkan Perintah Fi (Perubatan) 1982 dan ia tidak pernah disemak sejak 34 tahun lalu.

Beliau berkata, pengemaskinian caj berkenaan hanya membabitkan pesakit Kelas 1 dan Kelas 2, manakala bagi Kelas 3 pula tiada perubahan caj.

"Bagi pengemaskinian caj yang membabitkan pesakit Kelas 1, caj wad, rawatan, siasatan, ujian makmal dan pembedahan dinaikkan se-

banyak 50 peratus.

"Manakala, bagi Kelas 2 pula, berlaku kenaikan sebanyak 25 peratus dan hanya membabitkan caj wad dan tidak meliputi rawatan, siasatan, ujian makmal dan pembedahan. Bagi Kelas 3 pula tiada perubahan caj berlaku," katanya, semalam.

Katanya, dua juta pesakit berbayar yang dimasukkan ke wad di hospital kerajaan setahun, namun hanya 1.6 peratus sahaja dimasukkan ke dalam wad Kelas 1 dan Kelas 2.

Dr Noor Hisham berkata, memandangkan kebanyakan pesakit dimasukkan ke wad kelas ketiga, pengemaskinian caj ini tidak memberi kesan kepada

majoriti pesakit di wad hospital kerajaan.

Menurutnya, caj pesakit luar sama ada di Jabatan Pesakit Luar Am atau Jabatan Pesakit Luar Pakar di hospital dan klinik kesihatan masih dikekalkan pada kadar RM1 (perkhidmatan am) dan RM5 (perkhidmatan pakar) masing-masing merangkumi pendaftaran, perundingan, ubat-ubatan dan segala siasatan.

"Kenaikan caj bagi Kelas 1 tidak akan membebankan pesakit kerana kemasukan ke Kelas 1 adalah atas pilihan sendiri di mana mereka yang memilih Kelas 1 adalah berkemampuan dan mempunyai insurans atau surat jaminan majikan.

"Pada masa ini, caj Kelas 1 adalah sangat rendah dan tidak mengambilkira kos yang terbabit dalam memberi rawatan. Sebagai contoh, caj semasa wad Kelas 1 hanya dalam lingkungan RM30 hingga RM80 sehari berbanding swasta yang mengenakan caj di antara RM100 hingga RM400 sehari," katanya.

Katanya, caj lain yang dikenakan seperti ujian makmal, siasatan dan pembedahan bagi pesakit Kelas 1 di hospital kerajaan pula juga lebih rendah berbanding sektor swasta.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan juga turut memberi pengecualian caj pesakit luar kepada warga emas dan pengurangan caj sebanyak 50 peratus jika dimasukkan ke wad, dengan jumlah bayaran maksimum hanya RM250.



FAKTA

Kadar baharu bagi caj kemudahan rawatan pesakit dijangka berkuatkuasa mulai 1 Januari depan